



RASID (duduk, empat dari kanan) dan wakil dari Shell bergambar kenangan bersama pelajar pelajar fakulti kejuruteraan UMS.

49 pelajar UMS tamat modul projek syarikat minyak dan gas multinasional

UB 13.1.2019 A5

Oleh JOHN TAMBANAN

KOTAKINABALU: Seramai 49 pelajar fakulti kejuruteraan dalam 10 pasukan telah menamatkan modul dalam kerjasama Sabah Shell Petroleum Company Limited dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Timbalan Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Rasid Mail berkata, kerjasama seumpama itu antara Sabah Shell Petroleum Company Limited

dan UMS sangat disambut baik bagi merapatkan jurang antara akademik dan industri.

Keseluruhan modul ini ditaja oleh Shell selain para pelajar menggunakan pengangkutan mereka sendiri.

“Saya gembira bahawa modul ini berjalan lancar tanpa mengganggu kelas rutin pelajar.

Tahniah Sabah Shell Petroleum Company dan Fakulti Kejuruteraan kerana telah berjaya menyempurnakan modul

10 minggu,” katanya ketika menyempurnakan penutupan program itu, di sini pada Jumaat.

Beliau berharap modul itu dapat dicadangkan menjadi sebahagian daripada kurikulum tetap dalam masa terdekat.

“Terima kasih semua dan terima kasih Shell dan Dr. Mohd Kamel, timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan pasukannya terlibat dalam meletakkan semua ini bersama-sama.

“Bagi pihak UMS, kami berharap lebih banyak usaha sama antara Sabah Shell Petroleum Company Limited dan UMS secara berkala ke arah kebolehpasaran pelajar universiti ini,” katanya.

Turut hadir Pengurus Besar, Syarikat Petroleum Shell Sabah Prithpal Singh, Dekan, Kejuruteraan Fakulti UMS Prof. Ir. Dr. Karim Mirasa dan Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar & Alumni Kejuruteraan Fakulti Dr. Mohd Kamel Wan Ibrahim.